



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.16/ 2018

SPR SEDIAKAN KEMUDAHAN PENGUNDIAN MESRA ORANG KURANG UPAYA (OKU) PADA PRU-14

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin memberi maklumbalas terhadap cadangan dan saranan oleh Persatuan Damai Orang Kurang Upaya Malaysia (DAMAI) yang meminta supaya SPR menyediakan kemudahan pengundian yang mesra Orang Kurang Upaya (OKU).
2. Sehubungan dengan itu, SPR ingin memaklumkan bahawa ia memang telah mengambilkira keperluan bagi pengundi daripada kalangan OKU untuk menunaikan hak mengundi secara lebih selesa, yakin dan menjamin kerahsiaan mereka dengan menyediakan pelbagai kemudahan kepada golongan OKU pada PRU14 nanti seperti;
 - i. Membenarkan ahli keluarga atau orang dipercayai untuk menemani mereka semasa pengundian.
 - ii. Menyediakan kemudahan anggota petugas pilihan raya bagi membantu pemilih OKU untuk ke tempat mengundi.
 - iii. Menyediakan kemudahan kerusi roda kepada pemilih yang uzur atau kurang upaya.
 - iv. Pemilih OKU juga akan sentiasa diberi keutamaan di pusat-pusat mengundi oleh SPR.
3. SPR mengambil maklum dan akan meneliti serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap saranan yang dikemukakan oleh pihak DAMAI bagi menyediakan kemudahan-kemudahan tambahan lain.
4. SPR turut menghargai usaha pihak DAMAI ini dan berharap agar semua pemilih dalam kalangan OKU dapat menunaikan

tanggungjawab mengundi dengan selesa dan lancar.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 20 Februari 2018 / 4 Jamadil Akhir 1439H